

Headline	TNB pastikan bekalan elektrik lancar sepanjang PRU-14		
MediaTitle	Kosmo		
Date	19 Apr 2018	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Negara	Page No	7
ArticleSize	104 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 8,128		



TNB pastikan bekalan elektrik lancar sepanjang PRU-14

KUALA LUMPUR – Tenaga Nasional Bhd. (TNB) sudah membuat persiapan awal bagi memastikan kelancaran bekalan elektrik di pusat penamaan calon, pusat mengundi dan pusat penjumlahan rasmi undi bagi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Roslan Ab. Rahman berkata, pihaknya membuat persiapan seawal November tahun lepas bagi memastikan aspek teknikal, operasi dan tunggu sedia bekalan elektrik ke lokasi sentiasa dalam keadaan terkawal.

"TNB juga telah mengadakan beberapa siri pertemuan dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan Jabatan Kerja Raya di setiap negeri bagi mendapat maklum balas perincian keperluan elektrik di semua pusat berkenaan.

"Hasil pertemuan tersebut, kami telah mengambil langkah yang diperlukan. Insya-Allah semuanya terkawal dan bilik gerakan juga ditubuhkan di setiap negeri dan ibu pejabat," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Roslan berkata, kakitangan teknikal TNB turut diletakkan dalam keadaan siap sedia bagi menghadapi sebarang kemungkinan sepanjang proses PRU-14 berlangsung.

SPR menetapkan tarikh penamaan calon bagi PRU-14 pada 28 April ini dan 5 Mei bagi pengundian awal manakala hari pengundian pada 9 Mei. – Bernama